


Najib sekali lagi bersumpah laknat



NAJIB Tun Razak dalam sidang akhbar secara maya semalam.

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meluahkan kekecewaan terhadap Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil yang menyatakan kes rasuah beliau sebagai memalukan negara.

Malah Najib mengulangi lafaz sumpah laknat dan menegaskan tidak bersalah di atas tuduhan salah guna kuasa, pecah amanah dan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn. Bhd. (SRC).

“Sebagai seorang yang beragama Islam saya menyatakan Wallahi Wabilahi Wattawallah bahawa saya tidak tahu, saya tidak minta.

UM-9/12/2021



m/s: 6

Saya tidak pernah mengarahkan sesiapa untuk memindahkan RM42 juta itu ke akaun peribadi saya.”

“Saya tidak pernah mengarahkan sesiapa untuk memindahkan RM42 juta itu ke akaun peribadi saya,” katanya dalam sidang akhbar secara maya selepas keputusan rayuan diumumkan semalam.

Najib turut mengarahkan pasu-

kan pembelaannya mengemukakan rayuan di Mahkamah Persekutuan secepat mungkin.

Beliau yang kecewa dengan kenyataan hakim itu berkata, banyak sumbangan telah diberikannya kepada negara termasuk meningkatkan kekayaan dan hasil negara sepanjang perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri.

“Sepanjang dalam perkhidmatan, keseluruhan hasil dan aset negara yang berjaya dikumpul adalah RM2 trilion,” jelasnya.

Peguam bela Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah sedang mengemukakan permohonan agar hukuman penjara dan denda tersebut ditangguhkan kerana mereka ingin mengemukakan rayuan.